

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) di Pulau Pinang sahaja** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	NO. SEBUTHARGA	PERDA/BHT/S/4/2025
(ii)	TAJUK SEBUTHARGA	KERJA-KERJA NAIK TARAF DAN PEMULIHARAAN BENGKEL JAHITAN DAN BENGKEL MASAKAN KEMAS CHEROK TOK KUN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN PUSAT AKTIVITI KEMAS CHEROK TOK KUN, BUKIT MERTAJAM, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG
(iii)	KELAYAKAN	Gred G2 : Kategori CE:- Pengkhususan CE21
(iv)	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN MASA	6 Mac 2025 (Khamis) Jam 10.00 pagi
(v)	TARIKH & MASA MUAT TURUN DOKUMEN SEBUT HARGA	7 Mac 2025 (Jumaat, 10.00 pagi) hingga 14 Mac 2025 (Jumaat, 5.00 petang)
(vi)	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	19 Mac 2025 (Rabu) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

2. Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari perolehan.perda.gov.my pada bila-bila masa **sebelum** menyertai sebarang lawatan tapak sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan **PUSAT AKTIVITI KEMAS CHEROK TOK KUN (Bengkel Kemas Cherok Tok Kun & QUKIS KEMAS Bukit Mertajam)** pada **6 Mac 2025 (Khamis), jam 10.00 pagi** dengan membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih sah. Hanya **Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja yang dibenarkan membuat pendaftaran semasa lawatan tapak ini**. Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang perolehan.perda.gov.my bermula dari tarikh **7 Mac 2025 (10.00 pagi)** hingga **14 Mac 2025 (5.00 petang)**. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- i. Dokumen Sebutharga
- ii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **19 Mac 2025 (Rabu) jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.